



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 14 JANUARI 2022**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	BANJIR: JUMLAH KEROSAKAN DIJANGKA MENINGKAT, NASIONAL, SH -9 JUMLAH KEROSAKAN AKIBAT BANJIR DIJANGKA LEBIH RM70 JUTA: MAFI, SH -ONLINE PENTERNAK AYAM RUGI PULUHAN RIBU AKIBAT BANJIR, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4.	HYBRID CATTLE BREEDING TO BEEF UP PROFITS, NATION, THE STAR -4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5. 6. 7. 8. 9. 10.	ANAK PENYU AGAR MATI TERMAKAN PLASTIK, NEGERI TERENGGANU, SH -23 PENTERNAK AKUAKULTUR KERUGIAN RM28 JUTA AKIBAT BANJIR - DOF, ASTRO AWANI -ONLINE DEPT OF FISHERIES: AQUACULTURE SECTOR SUFFERS RM28M IN LOSSES DUE TO FLOODS, MALAYSIAN DAILY NEWS -ONLINE CARCASS OF GREEN TURTLE FOUND IN MARANG, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -10 PENTERNAK AKUAKULTUR KERUGIAN RM28 JUTA AKIBAT BANJIR, BH -ONLINE 5 DITAHAN BOT KELAS C CEROBOH ZON TANGKAPAN, LOKAL, HM -5	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11. 12. 13. 14. 15. 16.	NATIONAL AGROFOOD SECTOR SUFFERED RM70 MILLION IN LOSSES DUE TO FLOODS, NEWS, MAKKAL OSAL -8 BEKALAN MAKANAN MENJELANG TAHUN BAHARU CINA, RAMADAN DIJAMIN CUKUP, BH -ONLINE REPORT: MALAYSIA FACES FOOD SHORTAGE FOR CNY AND RAMADAN AFTER FLOODS WIPE OUT FARMS, MALAY MAIL -ONLINE SEDIH LIHAT SAWAH TAK UBAH SEPERTI LAUTAN, LOKAL, HM -24 BEKALAN TELUR AYAM KURANG DI PULAU PINANG, NEGARA, KOSMO -16 PENTERNAK TUTUP OPERASI JIKA RUGI, DALAM NEGERI, UM -11	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## Banjir: Jumlah kerosakan dijangka meningkat

**BENTONG** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mendedahkan jumlah kerosakan yang dihadapi mangsa banjir di negara ini akan terus meningkat berbanding jumlah jangkaan sebanyak RM70 juta sebelum ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ia hasil lawatan dan tinjauan ke beberapa negeri yang terjejas akibat banjir setakat ini.

Menurutnya, kementerian sedang menghalusi segala kaji selidik yang dilakukan oleh pegawai-pegawai agensi pertanian terhadap segala kerosakan yang berlaku di setiap negeri terlibat.

"Angka ini akan terus meningkat kerana kita dapati banyak lagi laporan diterima dan selepas lawatan dibuat kero-

sakannya dapat disahkan lebih meluas," katanya pada sidang akhbar sempena lawatan kerja Agropreneur Muda di daerah Bentong pada Khamis.

Menurut Ahmad, sebagai contoh jumlah kerosakan di Pahang pada awalnya dianggarkan sebanyak RM8 juta pada minggu lalu, namun jumlahnya dijangka meningkat.

"Buat masa ini, jumlah kerosakan sebenar masih belum diketahui tetapi secara rambang, jumlahnya akan meningkat kerana banyak lagi mangsa yang belum membuat laporan.

"Ini kerana mangsa banjir menghadapi pelbagai kekangan termasuk untuk bersihkan rumah," kata beliau yang turut mengalu-alukan penglibatan badan bukan kerajaan (NGO) bagi membantu mereka yang terjejas.



Ahmad (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan dan menyantuni Wira Agro sempena lawatan kerja Agropreneur Muda di daerah Bentong pada Khamis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Jumlah kerosakan akibat banjir dijangka lebih RM70 juta: MAFI



Ahmad (dua dari kanan) bersama Mohd Soffi (kiri) dan Nik Roslan (kanan) serta Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Kemakmuran Kampung Benus, Zaharah Ismail dalam kunjungan ke kampung itu pada Khamis.

BENTONG - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mendedahkan jumlah kerosakan yang dihadapi mangsa banjir khususnya golongan petani, peladang, penternak dan nelayan yang terjejas di negara ini akan terus meningkat berbanding jumlah jangkakan sebanyak RM70 juta sebelum ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ia hasil lawatan dan tinjauan ke beberapa negeri yang terjejas akibat banjir setakat ini.

Menurutnya, kementerian sedang menghalusi segala kaji selidik yang dilakukan oleh pegawai-pegawai agensi pertanian terhadap segala kerosakan yang berlaku di setiap negeri terlibat.

"Kita dapati jumlah kerosakan semakin meningkat walaupun suatu ketika dahulu kita jangkakan sebanyak RM70 juta.

"Angka ini akan terus meningkat kerana kita dapati banyak lagi laporan diterima dan selepas lawatan dibuat kerosakannya dapat disahkan lebih meluas," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar di sini pada Khamis.

Beliau ditemui sempena lawatan kerja Agropreneur Muda di daerah Bentong.

Hadir sama, Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi Pahang, Datuk Seri Ir Mohd Soffi Abd Razak, Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Nik Roslan Idris dan Pengarah Unit Agropreneur Muda MAFI, Mohammad Ezri Shamsuddin.

Ahmad berkata, sebagai contoh jumlah kerosakan di Pahang pada awalnya dianggarkan sebanyak RM8 juta pada minggu lalu, namun jumlahnya dijangka bertambah.

"Buat masa ini, jumlah kerosakan sebenar masih belum diketahui tetapi secara rambang, jumlahnya akan meningkat kerana banyak lagi mangsa yang belum membuat laporan.

"Ini kerana mangsa banjir menghadapi pelbagai kekangan termasuk untuk bersihkan rumah," katanya yang turut mengalu-alukan penglibatan badan bukan kerajaan (NGO) bagi membantu mereka yang terjejas.

Menerusi lawatan kerja tersebut, Ahmad turut menyampaikan sumbangan dan menyantuni Wira Agro dan misi bantuan banjir bersama KADA di Kampung Benus selain melawat tapak projek Agropreneur Muda di Kampung Karak Setia, Kampung Ulu Perting dan Kampung Baru Bentong yang terjejas akibat banjir.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Penternak ayam rugi puluhan ribu akibat banjir



Ahmad (dua dari kanan) menyampaikan bantuan kepada Muhammad Amirul Farie (dua dari kiri) ketika melawat tapak reban ayam kampung di Kampung Baru Bentong pada Khamis.

BENTONG - Seorang penternak ayam kampung mengalami kerugian kira-kira RM17,000 akibat banjir besar yang melanda di Bentong baru-baru ini.

Muhammad Amirul Farie Azman, 36, dari Kampung Baru Bentong di sini kehilangan 300 ekor ayam yang dihanyutkan akibat banjir pada 18 Disember lalu.

Menurutnya, air naik terlalu cepat menyebabkan dia tidak dapat menyelamatkan ternakan tersebut yang sudah matang untuk dijual.

"Memang tidak dapat menyelamatkan ayam kerana keadaan kelam-kabut ketika itu dan saya hanya dapat membuka pintu reban.

"Air surut selepas beberapa hari dan semuanya hanyut termasuk peralatan yang ada selain ayam," katanya kepada Sinar Harian pada Khamis.

Muhammad Amirul Farie ditemui ketika lawatan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah di kampung tersebut.

Dalam lawatan itu, Muhammad Amirul Farie yang juga antara Agropreneur Muda di daerah tersebut menerima bantuan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Muhammad Amirul Farie berkata, keadaan banjir besar itu langsung tidak dijangka menyebabkan dia tidak membuat persediaan untuk situasi tersebut.

"Kali terakhir banjir besar pada 2006 dan selalunya paras air tidak setinggi mana berbanding baru-baru ini hingga hampir tiga meter.

"Saya mungkin perlukan masa sebulan lagi untuk meneruskan ternakan ini yang telah diusahakan sejak 2012 hingga kini," katanya yang mempunyai lima reban ayam.

# Hybrid cattle breeding to beef up profits

**KANGAR:** The Perlis Veterinary Services Department (PVS) hopes that the success of the Hybrid Cattle Genetic Resources Strengthening programme in the state can reduce dependence on imported meat in the future.

Its director Dr Adam Abdulllah Kwan said the department expected local beef production to increase by 5% to 10% annually based on current demand.

"We expect about 600 tonnes of beef to be produced this year and total production will increase by 10% to around 660 tonnes next year," he told reporters during a visit to the hybrid cattle farm in Kampung Santan, Bernama reported.

He said hybrid cattle were more profitable for livestock breeders compared to local breeds as the rearing process was faster.

"In just one year, the weight of hybrid cows can reach 400kg to 500kg and about 800kg to 900kg in two years.

"This will definitely provide high returns to breeders as the cows can be sold for RM5,000 to RM10,000 per head compared to local breeds sold at about RM3,000 to RM5,000 per head," he said.

Adam said as of 2020, a total of 1,500 hybrid cattle had been produced and it was estimated that the number would double to 3,000 this year, involving 300 breeders.

Among the hybrid breeds that

were well-received by breeders in the state are Charolais, Limousine, Piedmontese and Simmental with local breeds Brahman or Kedah-Kelantan (KK).

Compared to other agricultural products, he said, the selling price of beef was more stable and breeders did not have to worry about making investments due to the profits.

"We plan to increase the efficiency of the industry by developing an animal feed warehouse to reduce the cost of ruminant breeding and I encourage all breeders in the state to join the Perlis Ruminant Breeders Association to enable us to work more closely," he said.

Cattle breeder, Che Azman Che Norohoseni, 42, said his income had

increased by 50% since he started breeding hybrid cattle some 10 years ago.

"I do not regret changing from local breeds to hybrid cattle because it is very profitable.

"I plan to add more breeds in the future," said Che Azman, who is rearing 46 hybrid cows in Kampung Semadong, Beseri.

Ismail Ahmad, 61, said rearing hybrid cattle did not take a long time compared to local cattle breeds, adding that in just about three to four years, the animal could be sold for more than RM10,000 per head.

"The biggest hybrid cow that I have ever raised weighed a tonne and I'm so happy to see such a big cow," he said.



## Anak penyu agar mati termakan plastik

**MARANG** - Seorang mekanik menemui bangkai seekor penyu dengan gumpalan plastik pada mulut di pantai Kampung Pulau Kerengga di sini pada Khamis.

Mohd Afendy Abd Aziz, 41, berkata, dia terserempak dengan bangkai penyu agar yang dianggarkan seberat lima hingga lapan kilogram (kg) itu kira-kira jam 8.30 pagi ketika mengambil angin di kawasan itu bersama anaknya, Akid Khalif, 11.

“Selepas sarapan pagi tadi, saya ajak anak berjalan di pesisiran pantai di Pulau Kerengga. Tak sangka pula terserempak dengan bangkai penyu yang telah mati di tepi pantai itu.

“Apabila lihat lebih dekat, saya nampak seperti ada gumpalan plastik pada mulut penyu itu. Saya segera tarik untuk keluaran plastik itu dengan harapan ia masih bernafas. Malangnya penyu tersebut tidak dapat diselamatkan

dan telah mati,” katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Menurut Mohd Afendy, selain dua gumpalan plastik dia mendapati terdapat luka pada bahagian kanan badan penyu tersebut dipercayai kesan terkena jaring atau pukut nelayan.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, empat ekor penyu ditemukan mati dalam tempoh dua minggu tahun ini.

“Awal bulan ini iaitu pada 3 Januari lalu, seekor penyu agar betina dewasa ditemukan mati di Pantai Penunjuk, Kijal di Kemaman.

“Pada 12 Januari, sebanyak dua kes kematian penyu agar betina dewasa direkodkan di Pantai Seberang Takir di Kuala Nerus dan Pelabuhan Chendering di Kuala Terengganu.

“Terbaharu iaitu pada Khamis, satu kes kematian melibatkan anak penyu agar ditemukan di Pulau Kerengga, Marang,” katanya.



Tangkap layar video penemuan bangkai anak penyu agar yang dikongsi Mohd Afendy di Facebooknya pada Khamis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2022	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Penternak akuakultur kerugian RM28 juta akibat banjir - DOF



*Penternak akuakultur di negeri terjejas banjir mengalami kerugian berjumlah RM28 juta manakala bagi myKomuniti Perikanan iaitu pengusaha Perikanan (myAP) dan Nelayan Darat dianggarkan RM800,000. - Gambar fail/BERNAMA*

**SHAH ALAM:** Penternak akuakultur di negeri terjejas banjir mengalami kerugian berjumlah RM28 juta manakala bagi myKomuniti Perikanan iaitu pengusaha Perikanan (myAP) dan Nelayan Darat dianggarkan RM800,000, menurut laporan awal Jabatan Perikanan

Malaysia (DOF).

DOF dalam kenyataan hari ini memaklumkan pihaknya menerima laporan mengenai jumlah bantuan yang diperlukan melalui Program Permulaan Semula Agromakanan (tabung bencana) dan ia akan dimajukan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Bantuan yang disalurkan adalah tertakluk kepada kadar dan had yang ditetapkan iaitu bantuan sehingga 50 peratus daripada kos operasi (benih, peralatan dan makanan ternakan) mengikut sistem ternakan pengusaha.

"Had bantuan yang akan diberi juga tidak melebihi 50 peratus nilai kerugian yang dilaporkan dan disahkan oleh Pejabat Perikanan Daerah/Negeri," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu menyebut bantuan yang akan diberi sama ada berbentuk input pertanian atau peralatan/mesin, peralatan perniagaan atau lain-lain untuk membantu memulihkan projek kumpulan sasar serta mekanisasi dan automasi ladang.

Menurut DOF, bagi sektor perikanan, takrifan kumpulan sasar adalah penternak akuakultur berskala kecil yang menjalankan aktiviti penternakan air tawar dan air payau serta hatcheri (panti benih) di kawasan sehingga dua hektar atau menggunakan sangkar/kandang yang tidak melebihi 15 unit.

DOF memaklumkan pengusaha terjejas boleh menghantar permohonan ke Pejabat Perikanan Daerah/Negeri dengan disertai dokumen lengkap yang berkaitan.

Dokumen yang diperlukan termasuk borang permohonan bantuan (perlu disahkan oleh Pengarah Perikanan Negeri), senarai nama, salinan kad pengenalan dan laporan polis (satu laporan satu kawasan/satu kerosakan/kerugian).

Dokumen lain ialah laporan siasatan oleh jawatankuasa teknikal, gambar/video berkaitan bencana, anggaran kerugian dan perakuan permohonan di peringkat negeri atau setara.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2022	MALAYSIA DAILY NEWS	ONLINE	

## Dept of Fisheries: Aquaculture sector suffers RM28m in losses due to floods | Malaysia



DOF in a statement today also mentioned that it has received a report on the value of the amount of assistance required through the Agrofood Reviving Programme (disaster fund) and it will be forwarded to the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI). — Bernama pic

SHAH ALAM, Jan 13 — The total amount of losses suffered by aquaculture entrepreneurs in the

flood-affected states is estimated at RM28 million while for myKomuniti Perikanan, fisheries operators (myAP) and inland fishermen, the losses are estimated at RM800,000, according to a preliminary report from the Department of Fisheries (DOF).

DOF in a statement today also mentioned that it has received a report on the value of the amount of assistance required through the Agrofood Reviving Programme (disaster fund) and it will be forwarded to the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI).

“The assistance channelled is subject to the set rate and limit, which is assistance up to 50 per cent of the operating cost (seeds, equipment and feed) according to the operator’s livestock system.

“The limit of assistance to be given also does not exceed 50 per cent of the value of losses reported and confirmed by the District/State Fisheries Office,” according to the DOF statement.

The department said the assistance to be given would be in the form of agricultural inputs or equipment/machinery, business equipment assistance or other forms of assistance that would help revive the target group’s projects as well as farm mechanisation and automation.

For the fisheries sector, the target group is small-scale aquaculture farmers who carry out freshwater and brackish water farming activities as well as hatcheries in areas up to two hectares or using cages not exceeding 15 units, he said.

DOF said the affected operators can submit an application to the District/State Fisheries Office by submitting the relevant complete documents. — Bernama



Headline	Carcass of green turtle found in Marang		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	14 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	10	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	145 cm <sup>2</sup>
Journalist	Bernama	AdValue	RM 1,977
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,932



Afendy together with his son look at a carcass of a juvenile green turtle. — Bernama photo

## Carcass of green turtle found in Marang

**KUALA TERENGGANU:** A juvenile Green turtle was found dead believed to be due to plastic ingestion on Pantai Pulau Kerangga near Marang yesterday morning.

Terengganu Fisheries Department director Ruzaidi Mamat said this was the fourth turtle death since Jan 3.

Three previous deaths were of adult female Green turtles trapped in nets.

The first case was found on Jan 3 at Pantai Penunjuk, near Kijal in Kemaman followed by the second case at Pantai Seberang Takir, Kuala Nerus yesterday," he said when contacted here.

He said a third case was also reported Wednesday at Chendering Port here.

According to Ruzaidi, 51 cases

of turtle deaths were recorded by the department in 2021 and he advised the public to immediately contact the nearest District Fisheries Office or 03-88885019 if they find alive or dead turtles.

Meanwhile, the man who found the carcass of the turtle, Mohd Afendy Abd Aziz, 41, said he stumbled upon it while walking on the beach with his son.

"This is the first time I came across a turtle carcass and I didn't know what to do, so, I took a video and photos before uploading them on Facebook.

Soon after that, I was contacted by Fisheries Department officer who wanted detailed information about the turtle for further action," he said. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Penternak akuakultur kerugian RM28 juta akibat banjir



SHAH ALAM: Penternak akuakultur di negeri terjejas banjir mengalami kerugian berjumlah RM28 juta, manakala bagi myKomuniti Perikanan iaitu pengusaha Perikanan (myAP) dan Nelayan Darat dianggarkan RM800,000, menurut laporan awal Jabatan Perikanan (DOF).

DOF dalam kenyataan hari ini memaklumkan pihaknya menerima laporan mengenai jumlah bantuan yang diperlukan melalui Program

Permulaan Semula Agromakanan (tabung bencana) dan ia akan dimajukan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Bantuan yang disalurkan adalah tertakluk kepada kadar dan had yang ditetapkan iaitu bantuan sehingga 50 peratus daripada kos operasi (benih, peralatan dan makanan ternakan) mengikut sistem ternakan pengusaha.

"Had bantuan yang akan diberi juga tidak melebihi 50 peratus nilai kerugian yang dilaporkan dan disahkan oleh Pejabat Perikanan Daerah/Negeri," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu menyebut bantuan yang akan diberi sama ada berbentuk input pertanian atau peralatan/mesin, peralatan perniagaan atau lain-lain untuk membantu memulihkan projek kumpulan sasar serta mekanisasi dan automasi ladang.

Menurut DOF, bagi sektor perikanan, takrifan kumpulan sasar adalah penternak akuakultur berskala kecil yang menjalankan aktiviti penternakan air tawar dan air payau serta hatcheri (panti benih) di kawasan sehingga dua hektar atau menggunakan sangkar/kandang yang tidak melebihi 15 unit.

DOF memaklumkan pengusaha terjejas boleh menghantar permohonan ke Pejabat Perikanan Daerah/Negeri dengan disertai dokumen lengkap yang berkaitan.

Dokumen yang diperlukan termasuk borang permohonan bantuan (perlu disahkan oleh Pengarah Perikanan Negeri), senarai nama, salinan kad pengenalan dan laporan polis (satu laporan satu kawasan/satu kerosakan/kerugian).

Dokumen lain ialah laporan siasatan oleh jawatankuasa teknikal, gambar/video berkaitan bencana, anggaran kerugian dan perakuan permohonan di peringkat negeri atau setara. – BERNAMA



BOT nelayan yang ditahan kerana melakukan kesalahan menangkap ikan kurang daripada 12 batu nautika.

## 5 ditahan bot kelas C ceroboh zon tangkapan

**Lumut:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan lima warga Myanmar yang berkerja dengan bot nelayan tempatan di kedudukan 5.5 batu nautika timur Pulau Jarak di sini pada Selasa lalu selepas didapati tiada dokumen pengenalan diri.

Dalam kejadian jam 5.05 petang itu, lima warga asing berkenaan ditahan susulan penahanan bot kelas C itu didapati menceroboh zon tangkapan.

Pengarah APMM Perak Kepten Maritim Shahrizan Raman berkata, penahanan itu dilakukan Kapal Maritim (KM) Nyalau yang sedang melaksanakan Op Benteng dan Op Pintas di perairan negeri.

"Ketika ditahan, bot yang dikendalikan lima kru warga Myanmar termasuk tekong itu tiada sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

"Bot nelayan berkenaan disyaki melakukan kesalahan menangkap ikan kurang daripada 12 batu nautika seperti kebenaran syarat sah



*Bot yang dikendalikan lima kru warga Myanmar termasuk tekong itu tiada sebarang dokumen pengenalan diri yang sah. Bot nelayan berkenaan disyaki melakukan kesalahan menangkap ikan kurang daripada 12 batu nautika seperti kebenaran syarat sah lesen"*

**Shahrizan**

lesen," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Shahrizan berkata, bot bersama kru serta hasil tangkapan dianggarkan 300 kilogram pelbagai jenis ikan itu diserahkan kepada pegawai penyiasat APMM untuk tindakan lanjut.

Katanya, kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.



Headline	National agrofood sector suffered RM70 million in losses due to floods		
MediaTitle	Makkal Osai		
Date	14 Jan 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	28,000
Page No	8	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	152 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 995
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,985



## வெள்ளத்தில் ஏற்பட்ட இழப்பு 70 மில்லியன் ரிங்கிட்

பெந்தோங், ஜன. 14-

நாட்டில் வெள்ளத்தில் பாதிக்கப்பட்ட வர்கள் குறிப்பாக விவசாயிகள், மீனவர் கள், கால்நடை வளர்ப்பாளர்கள் எதிர் நோக்கும் நஷ்டம் தொடர்ந்து அதிகரிக்கும் என விவசாய, உணவுத்துறை அமைச்சு அறிவித்துள்ளது.

முன்னதாக அந்த வெள்ளத்தினால் ஏற்பட்ட பாதிப்பு காரணமாக 70 மில்லியன் ரிங்கிட் வரை நஷ்டம் ஏற்பட்டிருக்கலாம் எனக் கணக்கிடப்பட்டுள்ள நிலையில் தற்போது அதன் எண்ணிக்கை தொடர்ந்து அதிகரிக்கும் எனக் கருதப்படுகிறது.

இதுவரையில் வெள்ளத்தில் பாதிப்புற்ற சில மாநிலங்களுக்குப் பயணம் மேற்கொண்டு ஆய்வுசெய்ததன் அடிப்படையில் இந்தக் கணக்கீடு தெரிய வந்துள்ளதாக விவசாய, உணவுத் துறை துணை அமைச்சர் டத்தோபூர் அகமட் ஹம்ஸா தெரிவித்தார்.

இதில் சம்பந்தப்பட்ட ஒவ்வொரு மாநிலத்தில் ஏற்பட்ட அனைத்து நஷ்டங்கள் குறித்து விவசாய அமைப்பு அதிகாரிகள் வாயிலாக அமைச்சு ஆய்வு களை மேற்கொண்டு வருகின்றது.

முன்னதாக நஷ்டத் தொகை 70 மில்லியன் ரிங்கிட் எனக் கணக்கிடப்பட்டுள்ள வேளையில் ஆனால் சேதத்தின் எண்ணிக்கை தொடர்ந்து அதிகரிக்கிறது. இன்னும் அதிகமான புகார்கள் பெறப்படுவதாலும் தொடர்ந்து பாதிப்புற்ற பல இடங்களுக்குச் சென்று ஆய்வு மேற்கொள்வதாலும் அந்த நஷ்டத் தொகை அதிகரிப்பதாகத் தெரிகிறது என்று நேற்று பெந்தோங் மாவட்டத்திலுள்ள இளம் விவசாயத் தொழில்முனைவர் தளத்திற்குப் பணிநிமித்தமாக வருகைபுரிந்த அவர் செய்தியாளர்களிடம் குறிப்பிட்டார்.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Bekalan makanan menjelang Tahun Baharu Cina, Ramadan dijamin cukup



KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan makanan mencukupi menjelang sambutan Tahun Baharu Cina dan Ramadan tahun ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid, menjelaskan kerajaan sentiasa memastikan bekalan berkenaan mampu menampung keperluan pengguna.

"Tidak timbul isu (bekalan makanan tidak mencukupi) kerana bekalan makanan sentiasa ada.

"Malah, bekalan ayam dijangka masuk, bulan ini. Saya difahamkan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sudah mengeluarkan 29 permit import (AP) bagi membawa masuk bekalan itu," katanya kepada BH, hari ini.

Beliau mengulas laporan media bahawa Malaysia dijangka berdepan masalah kekurangan bekalan makanan menjelang sambutan Tahun Baharu Cina dan Ramadan akan datang berikutan banjir melanda negara, baru-baru ini.

Laporan itu memetik kenyataan beberapa pengusaha penternakan dan pertanian di Johor serta Selangor yang terjejas teruk selepas mengalami kerugian akibat bencana itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2022	MALAY MAIL	ONLINE	

## Report: Malaysia faces food shortages for CNY and Ramadan after floods wipe out farms



KUALA LUMPUR, Jan 13 — With the Lunar New Year just around the corner and the month of Ramadan not far behind, food shortage worries have snowballed after Malaysian farmers were badly affected by some of the worst floods in the country's history recently, a report said.

The report by Singapore's *The Straits Times* (ST) described how duck farmer Azim Omar had lost almost all of his 8,000-strong flock on January 1

when the floods hit Segamat, Johor, that left his farm submerged in chest-high waters — incurring at least RM15,000 in losses along the way.

"I had to throw away some 1,200 eggs as they could be contaminated with bacteria from the flood waters," he was quoted as saying.

Azim, who will have no income this month, said that only 90 ducks had survived the flood.

He said that this Ramadan, he would be unable to meet the demand for salted eggs, which are particularly popular during this period.

In the same report, Malaysia Federation of Vegetable Farmers Association president Lim Ser Kwee said many farmers were badly hit by floods in states such as Johor, Selangor and Pahang.

"We will be facing a shortage of vegetables until Chinese New Year and Hari Raya because of the floods. Farmers can't replant in time for Hari Raya. Most farms have been totally destroyed. And there aren't enough foreign workers right now," Lim told ST.

For chilli grower Ahmad Irham Mohd Noor, 40, flood waters that rose as high as 3.4m in Dengkil, Selangor completely devastated his farm, leaving him with losses of around RM100,000.

"The demand for chillies during Chinese New Year is quite high. My crops were due to be harvested at the end of January but now they are all gone," he told ST, adding that he had yet to receive any government aid.

Bernard Teh, manager of Yong Kah vegetable farm in Simpang Renggam, Johor — who exports some 70 per cent of its produce to neighbouring Singapore — said that leafy vegetables may be able to return to 80 per cent of normal supply by Chinese New Year, but hardy vegetables would take longer to recover.

"Both hardy and leafy vegetables are limited. The continuous rain and flood seriously affects the crop. Even if there are no floods, too much rain causes the crops to die," he told ST.

Lim said vegetable prices have risen by up to 30 per cent due to the supply crunch, as farmers are left counting their losses, which is estimated to be in the millions.



"It is hard to count the losses. Farmers start off with two to three acres and expand slowly to 30 to 50 acres, and then suddenly the floods come and you lose everything overnight.

"It will take at least one to two months to rebuild, and some farmers are not strong anymore. Prices of raw materials have also gone up," he said.

ST also quoted the Pan Malaysia Koo Soo Restaurants and Chefs Association as claiming recently that some food vendors and operators may either decrease the amount of ingredients or serve smaller portions.

"Essentially, reducing food portions is an increase of food price because even with smaller portions, consumers still have to pay the same (price)," said Datuk Ringo Kaw, vice-president of the association, adding that some restaurateurs had no other choice to keep their clients.

Kaw said food operators were struggling to cope as prices of poultry had increased by 20 per cent, as well as a 35 per cent additional cost for non-food materials such as plastic bags, sanitising equipment and other overhead costs.

Amid these concerns, Federal Agricultural Marketing Authority chairman Mohd Fasih Fakeh offered his assurance that vegetable prices should stabilise soon, now that the weather has improved.

"We believe we can stabilise vegetable prices within the next few months... possibly in a month or two," he was quoted as saying by the *New Straits Times*.

## Sedih lihat sawah tak ubah seperti lautan

**Alor Gajah:** Hanya mampu termenung panjang. Itu nasib dilalui 23 pesawah yang kerugian puluhan ribu ringgit apabila sawah mereka di Durian Tunggal di sini bertukar menjadi 'lautan'.

Setiausaha Persatuan Pesawah Berkelompok Pantai Belimbing, Mohd Pauzi Tawil, 63, berkata, semua pesawah terbabit mengalami kerugian berturut-turut susulan banjir yang berlaku November dan Disember tahun lalu serta awal Januari ini.

Menurutnya, bencana paling teruk baru-baru ini, menyebabkan pokok padi yang baru disemai berusia 25 hingga 30 hari musnah begitu sahaja.

"Banjir gelombang ketiga itu menyebabkan keseruhan sawah tidak ubah seperti lautan, sekali gus memusnahkan semua tanaman kami.

"Kos untuk kerja membajak, membenih dan membaja sudah dibelanjakan. Namun, banjir yang dahsyat menyebabkan pokok padi terendam dan akhirnya rosak.

"Banjir hanya surut enam hari kemudian, namun ia cukup untuk merosakkan pokok padi kerana terendam dalam tempoh lama.

"Kami kini berharap bantuan kerajaan kepada pesawah yang terkesan dapat di-



**MOHD Pauzi menunjukkan sawah yang kembali pulih daripada banjir. - Gambar NSTP/NAZRI ABU BAKAR**

salurkan segera," katanya. Justeru, pertemuan dengan agensi berkaitan dalam tempoh terdekat diharapkan memui jalan penyelesaian.

**Banjir menyebabkan pokok padi terendam dan rosak**

tara itu pesawah, Zulhelmi Abd Rashid, 52, berkata, sawahnya hampir dua hektar juga rosak sepenuhnya.

Katanya, kejadian banjir menyebabkan tanaman dia terendam dan dia ras dada.

kerugian RM3,000 kerana pokok padi sudah ditanam dan kos penyelenggaraan sudah dikeluarkan.

Zulhelmi berkata, dia tidak dapat berbuat apa-apa apabila sawah padinya ditenggelami air setinggi paras dada.



**KENAIKAN** harga makanan halwan dan cuaca antara faktor kekurangan bekalan telur ayam di pasaran Pulau Pinang sejak awal bulan lalu. – GAMBAR HIASAN

## Ternakan mati, pemborong hadkan tempahan

# Bekalan telur ayam kurang di Pulau Pinang

Oleh **NOOR HASLIZA NUSI**

**GEORGE TOWN** – Kekurangan bekalan telur ayam bagi Gred A, B dan C di Pulau Pinang sejak awal bulan lalu mendorong pemborong di negeri ini terpaksa menghadkan kuantiti tempahan daripada pasar raya mini dan pasar raya besar.

Pemborong sebaliknya mengutamakan jualan dalam kalangan peniaga kedai runcit serta pasar basah dan situasi itu berlarutan sejak awal Januari lalu.

Seorang pemborong yang mahu dikenali Zul berkata, biarpun mendapat permintaan tinggi daripada pasar raya besar, namun dia tidak dapat memenuhinya berikutan bekalan telur menyusut sekitar 40 peratus.

Dakwanya, alasan yang diberi pihak peladang adalah ternakan banyak mati disebabkan masalah cuaca selain faktor kenaikan harga makanan ruminan.

"Untuk pasar raya, saya hanya dapat memberi 40 bekas berbanding permintaan 70 buah bekas, manakala di kedai runcit dan pasar basah hanya 20 bekas berbanding 40 bekas.

"Selain dikatakan faktor cuaca, kemungkinan ternakan itu juga tidak serasi dengan makanan yang diberikan sehingga jatuh sakit dan mati," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Sementara itu, Pegawai Penyelidik Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), N. V. Subbarow memberitahu, pihaknya menerima 10 aduan daripada pengguna

termasuk penjaga kedai runcit berhubung kekurangan bekalan telur ayam sejak kelmarin.

"Ramai peniaga merungut tentang bekalan telur ayam di premis mereka tidak mencukupi selain hanya memasarkan telur Gred B berbanding menjual Gred C sebelum ini.

"CAP menggesa pihak kerajaan mengambil tindakan segera berhubung perkara ini memandangkan ia adalah keperluan makanan asas rakyat terutama kanak-kanak dan murid sekolah," ujarnya.

Menurut beliau lagi, pihaknya bimbang akan berlaku kenaikan harga telur ayam secara mendadak di pasaran disebabkan permintaan yang tinggi susulan kekurangan bekalan itu.



14/1/2022

UTUSAN

DALAM

11

MALAYSIA

NEGERI

Hak pengguna boikot ayam mahal

# Penternak tutup operasi jika rugi

Oleh MUHAMMAD ZIKRI  
utusannews@mediamulla.com.my

**PONTIAN:** Sebarang tindakan untuk memboikot ayam adalah hak pengguna, namun bahan mentah itu masih merupakan lauk yang lebih murah berbanding ikan dan daging lembu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Urusan NB Poultry Processing Industries Sdn. Bhd., Baharudin Ahmad berkata, jika langkah memboikot itu berlaku, penternak terpaksa mengurangkan bilangan ternakan.

Katanya, apabila penternak mengurangkan ternakan, bekalan akan berkurangan dan pengguna juga yang akan mengalami masalah terutama jika mereka memerlukan kuantiti yang besar.

Menurut beliau, sebagai pengilang dan pemborong kerajaan juga perlu mengambil

kira soal kerugian yang terpaksa ditanggung mereka berkaitan harga belian ayam di ladang yang sentiasa meningkat.

"Soal boikot adalah hak pengguna untuk membuat pilihan, penternak juga boleh mengambilibil langkah dengan menghentikan proses ternakan mereka di ladang.

"Ini akan menyebabkan bekalan ayam terputus selama 36 hari," katanya ketika ditubungi di sini, hari ini.

Akbar ini melaporkan, Presidenn Yeyasan Pengguna Negeri Malaysia (YPNM), Datuk Mohd. Firdaus Abdillah berkata, boikot ayam oleh pengguna boleh menggugat dan melumpuhkan industri ayam.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dilaporkan berkata, rakyat diminta bersedia dan perlu me-

mahami kenaikan semula harga ayam melebihi RM9.10 sekilogram selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHM-KM) berakhir 4 Februari ini.

Sementara itu, tambah Baharudin, sebagai penternak mereka juga berhak untuk menghentikan aktiviti sekiranya terus menanggung kerugian disebabkan faktor dedak dan harga anak ayam yang tinggi.

"Ketika ini pun banyak ladang atau reban ayam yang terpaksa ditutup kerana sukar untuk mendapatkan pekerja tempatan, manakala pengambilalihan pekerja asing melalui pelbagai birokrasi," ujarnya.

Katanya, jika kerajaan terus memberikan tekanan kepada penternak, pengilang dan pemborong akan menyebabkan sumber ayam tempatan akan terus berkurangan dan terpaksa bergantung kepada ayam import.



**KENAIKAN** harga ayam di pasaran dikatakan berpunca daripada faktor dedak dan bekalan anak ayam di ladang.